




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

22 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 402 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 364,727 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Beaufort, Ranau dan Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 1,309 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 339,988 orang. Manakala 497 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 398 orang di hospital, 97 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam serta satu (1) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 50 orang merangkumi 41 di ICU/repurposed kritikal care serta sembilan (9) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
 - Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan angka jangkitan baharu sebanyak 402 kes, penurunan marginal 14 kes berbanding jumlah semalam.
- b. Daerah Kota Kinabalu, Penampang, Papar dan Tuaran yang sering menjadi daerah-daerah penentu jumlah keseluruhan kes harian di Sabah mencatatkan kes-kes baharu yang lebih rendah hari ini. Kota Kinabalu mencatat 119 kes (-18), Penampang 34 kes (-9), Papar 31 kes (-18) dan Tuaran 17 kes (-15).
- c. Jumlah daerah yang mencatatkan kes baharu dua (2) angka bertambah daripada tujuh (7) daerah semalam kepada 13 daerah hari ini. Sebanyak 11 daerah pula mencatatkan kes satu (1) angka sementara Semporna dan Tongod tidak mencatatkan sebarang kes baharu.
- d. Tiga (3) kluster diisyihar tamat hari ini, dua (2) daripadanya di Daerah Ranau iaitu Kluster Puri Ranau dan Kluster Jalan Sugut Ranau. Satu (1) kluster lagi ialah Kluster Kuala Tongod di Daerah Tongod. Dengan penamatkan tiga (3) kluster ini, baki kluster yang masih aktif di Sabah ialah sembilan (9) kluster.
- e. Sebanyak 388 atau 96.52% daripada 402 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, dua (2) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan lima (5) kes dalam Kategori 5.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.0%
2	Kontak	111	27.61%
3	Bergejala	230	57.21%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	61	15.18%
JUMLAH		402	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/03/2022	Catatan Kes 22/03/2022	Perbandingan
1	Sandakan	10	23	+13
2	Keningau	9	21	+12
3	Tawau	4	13	+9
4	Putatan	9	15	+6
5	Kota Marudu	15	19	+4
6	Kota Belud	5	9	+4
7	Tenom	5	8	+3
8	Kudat	9	11	+2
3	Nabawan	0	1	+1
10	Ranau	4	6	+2
11	Pitas	9	10	+1
12	Sipitang	6	7	+1
13	Tambunan	9	10	+1
14	Beaufort	19	19	Mendatar
15	Kuala Penyu	12	12	Mendatar
16	Kalabakan	2	2	Mendatar
17	Semporna	0	0	Mendatar
18	Lahad Datu	6	6	Medatar
19	Kota Kinabalu	137	119	-18
20	Papar	49	31	-18
21	Tuaran	32	17	-15
22	Penampang	43	34	-9
23	Beluran	9	2	-7
24	Kunak	5	3	-2
25	Telupid	4	2	-2
26	Kinabatangan	3	2	-1
27	Tongod	1	0	-1
JUMLAH		416	402	-14

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	36	63	0	20	119	2644
Penampang	0	12	21	0	1	34	926
Papar	0	5	23	0	3	31	876
Sandakan	0	0	22	0	1	23	389
Keningau	0	9	6	0	6	21	387
Beaufort	0	2	13	0	4	19	521
Kota Marudu	0	9	6	0	4	19	274
Tuaran	0	10	7	0	0	17	830
Putatan	0	4	10	0	1	15	322
Tawau	0	0	9	0	4	13	361
Kuala Penyu	0	8	3	0	1	12	248
Kudat	0	4	5	0	2	11	154
Pitas	0	2	3	0	5	10	125
Tambunan	0	4	5	0	1	10	245
Kota Belud	0	0	8	0	1	9	269
Tenom	0	2	6	0	0	8	272
Sipitang	0	0	6	0	1	7	260
Lahad Datu	0	0	3	0	3	6	191
Ranau	0	2	4	0	0	6	207
Kunak	0	2	1	0	0	3	42
Beluran	0	0	2	0	0	2	117
Telupid	0	0	2	0	0	2	78
Kinabatangan	0	0	0	0	2	2	100
Kalabakan	0	0	1	0	1	2	42
Nabawan	0	0	1	0	0	1	55
Tongod	0	0	0	0	0	0	48
Semporna	0	0	0	0	0	0	10
JUMLAH	0	111	230	0	61	402	9993

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,359 unit.

- Hospital 1,473 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,646 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 14.8%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	396
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	6
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	402

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Palestine	3
Emiriah Arab Bersatu	2
WP Kuala Lumpur	1
Jumlah	6

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	388
Bukan Malaysia	14
Jumlah	402

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	28
Belum Menerima Vaksin (5-11)	15
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	15
Menerima 1 Dos	17
Lengkap 2 Dos	163
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	164
Jumlah	402

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1-4	21
5 -11	30
12-17	23
18-29	84
30-39	100
40-49	54
50-59	39
60-69	23
70-79	13
80-89	6
>90	2
Jumlah	402

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 21 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,828 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,886 orang adalah penduduk dewasa, 67 orang adalah penduduk remaja dan 875 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 21 Mac 2022 adalah seramai 2,554,525 orang. Ini meliputi 2,131,699 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.47% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,405,769 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,089,384 orang atau 76.91% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,289 orang atau 77.97% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,385 atau 74.23% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 90,537 atau 22.01% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **684,645** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 211 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 822 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 190 premis perniagaan dan 259 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 43 Premis Perniagaan melibatkan 40 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 66 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 270 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	98.9%
2	Kunak	98.9%
3	Kinabatangan	98.8%
4	Kudat	98.8%
5	Sipitang	98.8%
6	Tenom	98.7%
7	Keningau	98.7%
8	Semporna	98.6%
9	Tuaran	98.6%
10	Penampang	98.6%
11	Lahad Datu	98.6%
12	Ranau	98.6%
13	Sandakan	98.6%
14	Kota Marudu	98.6%
15	Kota Kinabalu	98.5%
16	Tawau	98.5%
17	Papar	98.5%
18	Beaufort	98.5%
19	Kota Belud	98.5%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II